

Penyu cedera ditemui terdampar

Pengutip telur berlesen temui spesies agar itu terkambus dalam pasir **Sinar Harian 26/1/2018**

DUNGUN - Seolah-olah meminta pertolongan, seekor penyu dewasa yang cedera parah ditemui terdampar di pantai Rantau Abang, di sini, Isnin lalu.

Penyu betina daripada spesies agar atau nama saintifiknya *chelonia mydas* ditemui terkambus di dalam pasir oleh seorang pengutip telur berlesen, Yusof Harun, 58, yang kebetulan berada di kawasan itu.

Ketua Pasukan Penyelamat Kedamparan Spesies Marin Terancam, FRI Rantau Abang, Mohd Tamimi Ali Ahmad berkata, kali pertama penyu berkenaan ditemui terdampar di pantai tetapi kemudiannya hilang.

Menurutnya, ketika ditemui oleh pengutip telur penyu yang terkambus di dalam pasir disangka sudah mati tetapi selepas diperiksa haiwan terancam itu masih bernyawa.

"Pada Sabtu lepas pengusaha resort memaklumkan terdapat seekor penyu sakit di pantai tetapi apabila pasukan FRI sampai ia sudah tiada dan kami sangka penyu itu kembali ke laut.

"Bagaimanapun, tiga hari selepas itu ia ditemui semula oleh pengutip telur dalam keadaan cedera teruk tertanam di dalam pasir dan dia mengangkat penyu dewasa itu ke tempat lebih tinggi untuk keselamatan.

"Perkara itu dilaporkan ke bahagian penerangan penyu sebelum dimaklumkan kepada FRI Rantau Abang," katanya kepada pemberita.

Beliau berkata, penyu tersebut di bawa ke FRI untuk proses rawatan dan pemulihian sebelum dilepaskan semula ke laut.

"Selepas diperiksa penyu betina itu dianggarkan berusia 20 tahun dan telah matang untuk bertelur. Terdapat

INFO
o Terdapat dua luka lama pada karapasnya seperti pecah
mungkin terkena kipas bot laju.

dua luka lama pada karapasnya seperti pecah mungkin terkena kipas bot laju.

"Luka tersebut belum sembahuh dan penyu betina itu sangat kurus serta kelaparan dianggarkan tidak makan dalam tempoh agak lama. Haiwan itu juga terlalu lelah akibat dipukul ombak dan mungkin mengalami masalah dalaman," katanya.

Katanya, rawatan awal dengan mencuci badan penyu dengan air tawar supaya patogen seperti teritip berbahaya dan bakteria dihapuskam.

"Buat masa ini ibu penyu agar ini di kuarantin terlebih dahulu supaya ia rehat atau berada dalam tempoh ber-

26/1/2018
mls 33



Penyu yang cedera dirawat di FRI Rantau Abang.

tenang.

"Untuk mengembalikan tenaga yang hilang kami memberi makan makanan rumusan yang diperbuat dari buah-buahan tempatan seperti pisang, betik dan dikisar dengan gula melaka. Sebanyak 500ml makanan

rumusan disuap dengan menggunakan tiub picagari," katanya.

Pihaknya turut berterima kasih kepada pengutip telur berlesen, kakitangan Pejabat Perikanan Terengganu dan semua pihak yang terlibat dalam menyelamatkan nya-

wa spesies marin terancam berkenaan.

Sepanjang musim tengkujuh kali ini bermula Oktober 2017 hingga Januari 2018, sebanyak lima ekor penyu ditemui terdampar dan berjaya diselamatkan FRI Rantau Abang.